

SOALAN LAZIM

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 5 TAHUN 2020

DASAR BEKERJA DARI RUMAH

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
Tempat Bekerja		
1.	Apakah yang dimaksudkan dengan istilah 'Rumah' dalam PP 5/2020?	<p>Rumah yang dimaksudkan merujuk kepada rumah kediaman pegawai berdasarkan alamat yang didaftarkan dalam sistem HRMIS.</p> <p>Alamat rumah pegawai juga hendaklah sama dalam sistem yang digunakan oleh Kementerian/Jabatan bagi merekodkan kehadiran dan tugas pegawai yang BDR.</p>
2.	Adakah pegawai yang bertugas di Putrajaya boleh diarahkan BDR di kampung halamannya di Pulau Pinang?	<p>Tidak boleh. Pegawai hendaklah kekal berada di kediaman pegawai seperti mana didaftarkan dalam sistem HRMIS.</p> <p>Ketua Jabatan hendaklah memastikan peraturan-peraturan BDR adalah dipatuhi iaitu:-</p> <ul style="list-style-type: none">(a) sentiasa berada di Rumah sebagai tempat bekerja dalam tempoh waktu bekerja yang ditetapkan;(b) sentiasa boleh dihubungi dalam tempoh, hari dan waktu bekerjanya;(c) sentiasa bersedia untuk hadir ke pejabat atau mana-mana lokasi lain yang diarahkan oleh Ketua Jabatan dalam tempoh yang munasabah; dan(d) semua undang-undang, peraturan, pekeliling dan arahan yang berkuat kuasa terpakai kepada pegawai awam

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
		<p>dari semasa ke semasa, termasuk, antara lain, tetapi tidak terhad kepada:</p> <ul style="list-style-type: none">(i) Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88];(ii) Arahan Keselamatan.;(iii) Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U (A) 395/1993]; dan(iv) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61].
Waktu Bekerja		
3.	Adakah pegawai yang bekerja mengikut waktu bekerja giliran (Syif) boleh diarahkan BDR separuh hari oleh Ketua Jabatan?	Ketua Jabatan atas budi bicaranya boleh mengarahkan atau mempertimbangkan pegawai syif untuk BDR separuh hari tertakluk kepada tujuan BDR dan tanpa menjejaskan kepentingan perkhidmatan.
4.	Apakah status kehadiran pegawai sekiranya pegawai telah diarahkan BDR separuh hari di sebelah pagi dan tidak melaporkan diri ke pejabat pada sebelah petang?	Pegawai dianggap tidak hadir bertugas dan hendaklah diuruskan mengikut Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U(A) 395/1993] dan pindaannya dari semasa ke semasa.
5.	Bolehkah pegawai yang BDR di sebelah pagi menggunakan kemudahan Kebenaran Untuk Meninggalkan Pejabat Dalam Waktu Bekerja pada sebelah petang bagi menyelesaikan urusan peribadi.	Kebenaran meninggalkan pejabat dalam waktu bekerja dan BDR adalah dua (2) perkara yang berbeza. Oleh itu, pegawai boleh menggunakan kemudahan kebenaran keluar pejabat pada sebelah petang tertakluk kepada kelulusan Ketua Jabatan dan syarat-syarat yang telah ditetapkan.

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
6.	Apakah status pegawai yang diarahkan BDR tetapi tidak berada di alamat yang didaftarkan dalam HRMIS namun telah melaksanakan tugas di tempat lain?	Pegawai dianggap tidak hadir bertugas dan hendaklah diuruskan mengikut Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U(A) 395/1993] dan pindaannya dari semasa ke semasa.
Kelayakan		
7.	Apakah yang dimaksudkan dengan pegawai sambilan?	Pegawai sambilan adalah pekerja yang diambil untuk melaksanakan sesuatu tugas iaitu melaksanakan tugas-tugas yang bersifat projek/program, <i>ad hoc</i> atau tugas bermusim (seasonal). Contohnya Guru Interim, Pekerja Sambilan Harian dan Personel MySTEP.
8.	Adakah pegawai yang diberi sijil sakit boleh diarahkan BDR?	Kelulusan Cuti Sakit adalah tertakluk kepada Ketua Jabatan (Perkara 15, 17 dan 53 Perintah Am Bab C). Sekiranya Ketua Jabatan telah meluluskan Cuti Sakit kepada pegawai, maka pegawai tidak boleh BDR.
9.	Adakah pegawai yang menanggung kerja atau dalam pemangkuan boleh diarahkan BDR?	Ketua Jabatan boleh mengarahkan atau mempertimbangkan mana-mana pegawai yang menanggung kerja atau dalam pemangkuan untuk BDR tertakluk kepada kelayakan dan syarat-syarat BDR yang berkuat kuasa.
10.	Adakah Ketua Jabatan boleh mengarahkan pegawai untuk BDR bagi tujuan untuk menjaga anaknya selepas tamat tempoh Cuti Bersalin?	Ketua Jabatan boleh mempertimbangkan pegawai untuk BDR selepas tamat Cuti Bersalin. Namun, ianya tertakluk kepada kepentingan perkhidmatan dan keperluan kelangsungan tugas yang perlu dilaksanakan oleh pegawai. Ketua Jabatan hendaklah mematuhi peraturan-peraturan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2020 termasuk perenggan 12.

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
11.	Adakah Ketua Jabatan boleh mengarahkan pegawai untuk BDR bagi tujuan menjaga ahli keluarga yang sakit di hospital?	Ketua Jabatan tidak boleh mengarahkan pegawai untuk BDR bagi tujuan tersebut. Pegawai boleh memohon menggunakan kemudahan Cuti Rehat, Cuti Separuh Gaji atau Cuti Tanpa Gaji yang dilayaki oleh pegawai.
12.	Adakah Ketua Jabatan boleh mengarahkan pegawai yang sedang menggunakan kemudahan Cuti Kuarantin untuk BDR?	Ketua Jabatan tidak boleh mengarahkan BDR kepada pegawai yang telah diluluskan kemudahan Cuti Kuarantin di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 11 Tahun 2016.
13.	Adakah Ketua Jabatan boleh mengarahkan pegawai untuk BDR sekiranya pejabat/premisnya mengalami gangguan utiliti?	Ketua Jabatan boleh mempertimbangkan pegawai untuk BDR sekiranya pejabat/premis tempat mereka bekerja mengalami gangguan utiliti yang boleh mengganggu penyampaian perkhidmatan di pejabat/premis tersebut.
Lain-lain		
14.	Apakah yang dimaksudkan dengan perkhidmatan penting Kementerian/ Jabatan?	Setiap Kementerian/Jabatan mempunyai fungsi yang berbeza. Adalah menjadi tanggungjawab Ketua Jabatan menetapkan jenis perkhidmatan penting berdasarkan penetapan perkhidmatan penting oleh Kerajaan dari semasa ke semasa dalam memastikan kelancaran dan kesinambungan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.
15.	Adakah kelulusan khas BDR yang telah diberikan kepada agensi tertentu sebelum berkuat kuasa pekeliling perkhidmatan ini masih boleh diteruskan?	Semua kelulusan khas yang telah diberikan terdahulu adalah terbatal mulai tarikh kuat kuasanya pekeliling perkhidmatan ini.

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
16.	Adakah pegawai kontrak dan sementara yang diarahkan BDR layak bayaran faedah Skim Ex-Gratia Bencana Kerja?	<p>Pegawai kontrak dan sementara yang diarahkan BDR tidak layak dipertimbangkan bayaran faedah Skim Ex-Gratia Bencana Kerja di bawah Pekeliling Perbendaharaan W.P 6.3 kerana pegawai-pegawai tersebut (kontrak dan sementara) telah dilindungi oleh skim perlindungan keselamatan sosial di bawah Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).</p> <p>Ini selaras dengan ketetapan Perenggan 10.3, Pekeliling Perbendaharaan W.P 6.3 seperti berikut:</p> <p>“Pegawai yang dilindungi Skim Bencana Pekerjaan PERKESO atau skim perlindungan lain atas caruman Kerajaan, tidak layak dipertimbangkan faedah di bawah Skim ini.”</p>
17.	Adakah pegawai yang BDR layak menuntut Elaun Lebih Masa (ELM)?	Tidak layak.
18.	Adakah surat edaran yang dikeluarkan oleh JPA mengenai pelaksanaan BDR dalam tempoh penularan wabak COVID-19 masih berkuat kuasa selepas pelaksanaan PP 5/2020?	<p>Ya. Surat edaran JPA dalam tempoh penularan wabak COVID-19 masih berkuat kuasa di mana ia merupakan Arahan Kerajaan selari dengan peruntukan PP 5/2020.</p> <p>Contohnya, Surat Edaran berhubung Arahan Kehadiran Bertugas Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan Di Negeri Selangor, Sabah, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya Dan Labuan Semasa Perintah Kawalan</p>

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
		<p>Pergerakan Bersyarat bertarikh 21 Oktober 2020.</p> <p>Semua Kementerian/Jabatan adalah tertakluk untuk mematuhi semua peraturan yang telah ditetapkan dalam surat edaran tersebut.</p>